

Pelaksanaan projek di Maran tidak memuaskan

Roselan Ab Malek
am@hmetro.com.my



Ismail Abd Muttalib melihat draf perancangan pembangunan daerah Maran yang disediakan PLANMalaysia di dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah. FOTO ROSELAN AB MALEK
Maran: Sebanyak 61 projek yang dirancang bagi memberi manfaat secara langsung kepada penduduk di daerah ini tidak dilaksanakan sehingga tahun lalu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib berkata, jumlah itu sangat mengecewakan dan berharap semua projek itu dapat diteruskan bagi tempoh Rancangan Fizikal Negara (RFN) ke-4 yang sedang berjalan ketika ini.

"Saya difahamkan antara punca projek ini tidak diteruskan atau tidak dilaksanakan ialah akibat struktur politik negara ketika itu dan juga selepas kajian susulan dilakukan pihak PLANMalaysia.

"Antara projek terlewat dilaksanakan ialah Hospital Maran, namun kerja tanah di tapak hospital itu sudah dimulakan dengan peruntukan sebanyak RM40 juta.

"Begini juga dengan beberapa projek lain yang sebelum ini tidak dapat dilaksanakan, kita ada kira-kira 20 projek kemudahan rakyat sedang dalam perancangan dan ada yang sudah mula dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Sesi Townhall Perancangan Pembangunan Daerah Maran dan Program Malaysia Prihatin di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang Datuk Seri Shahaniza Shamsuddin, Ketua Pengarah PLANMalaysia Dr Shamsaini Shamsuddin dan Yang Dipertua Majlis Daerah Maran Sharuddin Jali.

Mengulas lanjut mengenai tumpuan utama untuk memastikan pembangunan di Maran berjalan serentak dengan daerah lain, beliau yang juga Ahli Parlimen Maran berkata, aspek penyediaan fasiliti fizikal seperti kawasan perniagaan baharu, kawasan perindustrian dan akses terhadap pendidikan yang lebih baik perlu diberi keutamaan.

"Kita kena bersedia memandangkan dalam lima atau enam tahun lagi, projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) dijadualkan siap (fasa pertama) dan secara tidak langsung turut memberi tempias ekonomi kepada penduduk di Maran.

"Jadi, kita perlu mengenal pasti lokasi bersesuaian untuk kawasan perniagaan baharu, sektor perindustrian dan juga kemudahan pendidikan seperti kolej komuniti.

"Saya juga berpandangan bahawa dalam masa dua atau tiga tahun lagi, Maran dapat memenuhi kriteria ditetapkan dan boleh dinaik taraf sebagai sebuah Majlis Perbandaran dan ini juga boleh memberi nilai tambah kepada penduduk dalam meningkatkan pendapatan mereka," katanya.

Beliau berkata, kedudukan Maran dalam Zon Pembangunan Tengah dan dikenal pasti sebagai Pusat Daerah Sekunder Pahang membuka ruang kepada daerah ini menjadi hab pelancongan, perindustrian dan pendidikan, sekali gus membentuk daerah Maran ke arah bandar pintar secara berperingkat.

Disiarkan pada: April 13, 2021 @ 3:38pm